

Niaga kerepek elak harap bantuan

BERITA HARIAN 4/7/19 ms 9

Hasil manfaat tanaman sekitar rumah jadikan Samingin peniaga berjaya

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azri@bh.com.my

Rompin: Tidak mahu bergantung kepada bantuan kerajaan, seorang peneroka di FELDA Selancar 2 nekad menceburi bidang perniagaan kerepek bagi meningkatkan pendapatan keluarganya.

Samingin Wahid, 60, yang tinggal di situ sejak Oktober 1983 berkata idea untuk berniaga kerepek bermula dengan memanfaatkan hasil ubi kayu dan pisang yang ditanam di sekitar rumah dan kebun miliknya.

Menceritakan detik awal perniagaannya, bapa kepada enam anak itu berkata, ubi kayu dan pisang yang ditanamkan membuahkan hasil yang banyak sehingga beliau merasakan perlu dilakukan sesuatu bagi menambah pendapatan keluarga.

Bermula dengan hasil jualan kerepek secara kecil-kecilan, beliau dan isteri, Noridah Mahpoz, 58, menyimpan wang diperolehi untuk dijadikan modal bagi membeli mesin.

Hasilnya, pengeluaran kerepek bertambah dengan penggunaan mesin.

"Kita buat mula tahun 1997 saya berniaga kerepek secara kecil-kecilan. Saya berniaga di pasar malam. Ada ketika jaja tepi jalan sambil dibantu isteri. Waktu itu, angkat barang guna motosikal.

"Hasil yang kami peroleh ketika itu, Alhamdulillah begitu menggalakkan," katanya ketika dite-



Othman (tengah) melihat produk kerepek diusaha Samingin ketika melawat tapak sambutan Hari Peneroka Kebangsaan di FELDA Selancar 3, Rompin, semalam. [Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH]



mui di rumahnya di sini, semalam.

Selain menjual pelbagai jenis kerepek, lebih 40 aneka kuih tradisional turut dihasilkan seperti baulu, batang buruk dan rempeyek.

Kini, beliau boleh berbangga apabila produknya dipasarkan di seluruh negara sehingga ke Sabah termasuk boleh didapati di pasar raya besar.

Ada juga ejen yang membeli dengan kuantiti besar dan memasarkan dengan menggunakan jenama sendiri.

Ekoran permintaan tinggi terhadap produknya, beliau juga membeli bahan mentah seperti pisang dan ubi kayu daripada pe-

neneroka lain atau penduduk setempat, sekali gus dapat membantu menjana pendapatan tambahan mereka.

Dianggarkan satu jenis kerepek pernah mendapat permintaan sehingga melebihi 20 tan sebulan.

Pada musim perayaan boleh mencecah lebih banyak daripada kebiasaan.

Beliau mampu menggajikan 20 kakitangan rata-rata daripada keluarga peneroka setempat.

Katanya, usaha itu membantu meningkatkan taraf hidup mereka supaya tidak bergantung dengan satu sumber pendapatan sahaja iaitu kelapa sawit.

"Jangan harapkan bantuan daripada pihak luar atau kerajaan

semata-mata, sebaliknya peneroka harus berani mencuba bidang lain untuk dijadikan sumber pendapatan alternatif.

"Hasil perniagaan yang saya peroleh sekarang bukan saya pergi minta bantuan. Tidak, satu bantuan pun saya tak dapat. Guna wang yang saya simpan untuk bangunkan perniagaan secara berdekrit-dikit.

"Saya cuma ada tanah pusaka. Apabila datang bertapak di FELDA ini, banyak kemudahan dapat. Kebun dapat, tanah dapat dan rumah dapat," katanya.

Beliau berkata, cabaran pada masa sekarang amat besar, lebih-lebih lagi ketika harga kelapa sawit tidak menentu.